

Hubungan Amalan Kreativiti dan Komitmen Guru Pendidikan Seni Visual

Muhammad Khairullah Muhammad Marzidi¹, Hakimi Halim²

¹ *Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif,
Universiti Malaysia Sarawak, Sarawak, MALAYSIA*

² *Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif,
Universiti Malaysia Sarawak, Sarawak, MALAYSIA*

*Corresponding Author: kayymarzidi@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2023.04.02.014>

Article Info

Received: 23 July 2023

Accepted: 17 November 2023

Available online: 30 December 2023

Kata Kunci

Amalan Kreativiti, Komitmen guru,
Pendidikan Seni Visual

Keywords

Creative Practices, Teacher
Commitment, Visual Arts Education

Abstract

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis hubungan antara amalan kreativiti dengan komitmen guru Pendidikan Seni Visual. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian secara tinjauan berdasarkan soal selidik. Ia melibatkan 190 orang guru sekolah kebangsaan dari 25 buah sekolah kebangsaan daerah Bintulu, Sarawak. Pemilihan sekolah serta responden telah dibuat dengan menggunakan persampelan secara rawak mudah, berstrata dan bersistematik. Data telah dianalisis dengan menggunakan ujian deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa amalan kreativiti adalah pada tahap tinggi (min = 3.92) manakala komitmen guru Pendidikan Seni Visual juga adalah pada tahap tinggi (min = 3.80). Seterusnya kajian mendapati terdapat hubungan signifikan positif antara amalan kreativiti dengan komitmen guru Pendidikan Seni Visual mempunyai hubungan ($r = 0.695^{**}$, $p < 0.01$). Secara kesimpulan, amalan kreativiti mempunyai hubungan signifikan dengan komitmen guru Pendidikan Seni Visual. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa adalah penting bagi guru-guru memberikan komitmen untuk meningkatkan amalan kreativiti dalam Pendidikan Seni Visual agar pembelajaran menjadi lebih bermakna.

Abstract

The purpose of this study is to analyze the relationship between the practice of creativity and the commitment of Visual Arts Education teachers. The study employs a quantitative approach with a survey-based research design. It involves 190 teachers from national schools in the Bintulu district, Sarawak, selected through a simple random, stratified, and systematic sampling method. Data analysis includes descriptive and inferential tests. The study findings indicate that the practice of creativity is at a high level (mean = 3.92), while the commitment of Visual Arts Education teachers is also at a high level (mean = 3.80). Furthermore, the study found a significant positive correlation between the practice of creativity and the commitment of Visual Arts Education teachers, showing a correlation coefficient ($r =$

0.695**, $p < 0.01$). In conclusion, the practice of creativity has a significant relationship with the commitment of Visual Arts Education teachers. The implications of this study highlight the importance for teachers to commit to enhancing creative practices in Visual Arts Education for more meaningful learning.

1. Pengenalan

Kreativiti seseorang guru dalam pengajaran lebih menfokuskan kepada usaha-usaha yang dilakukan agar dapat menarik minat murid sekali gus mencapai objektif dan pembelajaran yang lebih bermakna. Buktinya, Bengkel Pemupukan Kreativiti telah diadakan dengan kerjasama SEAMEO RECSAM, Pulau Pinang dengan tujuan untuk membangunkan profesionalisme dan meningkatkan kemahiran kreativiti guru sebagai agenda utama [1]. Tambahan lagi, amalan pengajaran yang digunakan oleh setiap guru itu berbeza bergantung kepada sikap kreativiti yang dimiliki dan kemampuan masing-masing menyampaikan pengajarannya. Realiti pada hari ini, dalam konteks Pendidikan Seni Visual, terdapat guru yang bijak menyediakan bahan, media dan alatan walaupun kekurangan sumber sama ada sekolah di bandar, desa ataupun pedalaman untuk menarik perhatian murid, ada pula yang suka memberi ganjaran serta pujian kepada anak didik yang berjaya menghasilkan karya dan apresiasi seni dengan baik. Cara-cara ini dilakukan bagi tujuan memastikan murid mengikut perkembangan pembelajaran seterusnya mencapai hasil pembelajaran yang dikehendaki. Berdasarkan kajian Muhammad Sabri et al. (2020), kreativiti tidak boleh diajar tetapi ia boleh diterap atau dipraktikkan secara tidak langsung melalui aktiviti pengajaran yang dilakukan secara terancang. Oleh itu, panduan sebagai rujukan dan bahan sokongan diperlukan bagi memantapkan lagi mutu pengajaran ke arah yang lebih kreatif. Berdasarkan Huang dan Zanaton (2019) hal ini dapat membantu guru-guru Pendidikan Seni Visual menyedari akan potensi kreativiti masing-masing sekaligus mempertingkatkan pengetahuan tersebut.

Tanpa amalan kreativiti dalam pengajaran sememangnya akan memberi kesan kepada murid-murid. Penerapan amalan kreativiti oleh guru-guru berada dalam tahap sederhana dan dapatan ini selari dengan dapatan kajian Muhammad Sabri et al. (2020); Rohani Seman et al. (2019); Raja Abdullah dan Daud (2018) bersependapat bahawa amalan kreativiti berada pada tahap sederhana sedangkan menurut Torrance (1961) melalui kajian yang dijalankan menegaskan perkembangan kreativiti berlaku melalui proses PdPc antara guru dan murid. Jelaslah menunjukkan bahawa pentingnya pengaplikasian amalan kreativiti kerana kreativiti merupakan aspek penting yang perlu guru terapkan dalam diri murid.

Selain itu, amalan kreativiti guru telah dikaitkan dengan pelbagai variabel. Antaranya, kreativiti guru dihubungkan dengan perwatakan kreatif individu (Benckenstein, 2016), kepakaran pengajaran dan tingkah laku pengajaran kreatif [2], kompetensi guru matematik ke atas amalan pengajaran kreatif (Azhari & Zaleha, 2013), sifat personaliti dan penglibatan dalam aktiviti kreatif [3], pengurusan bilik darjah abad ke-21 serta dibincangkan dalam konteks mata pelajaran tertentu dan dikaitkan dengan kecemerlangan murid. Guru perlu memainkan peranan mereka sebagai model dan mentor di dalam bilik darjah [4]. Kreativiti berpotensi merangsang perubahan positif dalam amalan pedagogi,

Seterusnya mengubah bilik darjah menjadi komuniti pembelajaran aktif dan menyegarkan [5]. Justeru, kreativiti guru dituntut tidak hanya terbatas dalam penyampaian kandungan kurikulum semata-mata. Sebaliknya, fokus juga perlu ditumpukan kepada soal proses kandungan disampaikan kepada murid [6].

2. Pernyataan Masalah

Kesemua kajian yang dilakukan mengenai kreativiti sama ada kajian luar atau dalam negara kesemuanya tertumpu kepada pelajar yang berada di peringkat alam persekolahan. Memang tidak dinafikan segala perancangan haruslah bermula dengan komitmen seorang guru yang akan mengajar generasi-generasi muda ini. Adakah mereka mampu untuk mengamalkan kreativiti secara afektif dan jika mereka arif tentang amalan kreativiti, adakah proses kreativiti dapat dijalankan secara berterusan dalam Pendidikan Seni Visual? Isu yang timbul ialah bagaimana amalan kreativiti dapat diterapkan jika tiada komitmen daripada guru? Tambahan lagi, penyelidik juga menyedari bahawa guru Pendidikan Seni Visual dengan masalah yang sama berlaku setiap hari, kurang menerapkan amalan kreativiti dalam pembelajaran dan pemudahcaraan serta tidak dapat dilaksanakan secara afektif dan berterusan. Hal ini bertepatan dengan kajian Nur Erwani Rozi & Lilia Halim (2018) yang mengatakan pemikiran inventif dalam kalangan guru perlu ditingkatkan pada tahap tinggi untuk meningkatkan kreativiti.

Berdepan dengan situasi semasa dalam misi menyalurkan ilmu pengetahuan merupakan satu tugas yang tidak mudah dan memerlukan persediaan mental, fizikal dan emosi. Guru Pendidikan Seni Visual yang menerapkan amalan kreativiti perlu mempunyai ilmu pedagogi yang luas dan mendalam. Guru yang bijak adalah guru yang mampu menggunakan pelbagai pendekatan sesuai dalam menerapkan amalan kreativiti mengikut tahap murid. Sebagai contoh, bidang membentuk dan membuat binaan serta bidang mengenal alat tradisional

memerlukan guru yang berkebolehan menggunakan pelbagai teknik dan kaedah untuk menjayakan proses PdPc, Justeru itu, amatlah penting seorang guru menguasai pedagogi pengajaran disamping penerapan amalan kreativiti untuk melahirkan minat murid dan mengembangkan potensi yang ada. Selain itu, komitmen guru turut terganggu apabila murid memiliki kepelbagaian kecerdasan dan berbeza keupayaan antara setiap individu. Kepelbagaian kompetensi murid memerlukan kepakaran guru untuk menyampaikan isi pengajaran yang terarah dan berkesan. Kepakaran guru dalam mengajar bidang kegiatan seni visual sangat penting. Menurut Jenal (2010), guru perlu mahir sesuatu bidang kegiatan seni visual sebelum mengajar agar dapat melahirkan murid yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang seni visual dalam membentuk insan yang harmonis, kritis, kreatif dan inovatif, mengamalkan nilai murni, menghargai estetik seni dari pelbagai budaya, dan mensyukuri keindahan alam ciptaan Tuhan. Tambahan lagi, menurut Benade, L. (2015) dalam kajiannya mendapati segelintir guru hanya mengaplikasikan kemahiran berdasarkan kebolehan sendiri dan merujuk kepada guru berpengalaman tanpa menerima sebarang kursus secara formal. Hal ini untuk membolehkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran lebih efektif.

Kepakaran guru menggunakan pelbagai kaedah yang kreatif dan mengaplikasikan modifikasi tingkah laku murid yang terbaik mampu menjana suasana pembelajaran yang menarik dan berkesan. Perkembangan teknologi yang pesat pada hari ini membawa kesan yang sangat signifikan bagi dunia pendidikan. Hal ini menggambarkan bahawa pendidikan abad ke 21 memerlukan penguasaan ilmu terhadap teknologi khususnya bagi para pendidik. Justeru, pendidik disarankan untuk menguasai ilmu teknologi. Kajian oleh Azman & Syed Salim (2021) dalam kajian berkaitan cabaran guru pasca Covid 19 menunjukkan cabaran besar bagi guru Pendidikan Seni Visual melaksanakan PdPc adalah atas faktor kekurangan pengalaman bagi menjalankan pembelajaran atas talian. Guru Pendidikan Seni Visual kurang mendapat latihan kemahiran berkaitan penggunaan teknologi disamping kekurangan guru pakar dalam bidang ini menyebabkan cabaran bagi guru Pendidikan Seni Visual. Azman Ab Rahman (2021) menjelaskan bahawa penggunaan platform dan media teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) digunakan sebagai alat perantara antara guru dan pelajar. Menurut penyelidikan yang dijalankan, aplikasi telegram dan permainan Kahoot mampu menarik minat pelajar sebagai tambahan kepada pelbagai teknik auditori dan kinestetik teknikal (kaedah VAK), auditori visual dan alat sokongan seperti Picture Exchange Communication System (PECS) ternyata merupakan pendekatan terbaik untuk era revolusi pada masa kini.

Oleh sebab itu, adalah menjadi tanggungjawab guru Pendidikan Seni Visual untuk menguasai kemahiran dan ilmu berkaitan teknologi sesuai dengan perubahan masa bertepatan dengan dasar pendidikan untuk semua. Komitmen guru turut terjejas dalam menerapkan amalan kreativiti adalah disebabkan beban tugas guru. Menurut Habib (2011) beban tugas guru yang tidak berkaitan dengan pengajaran sering kali "menghantui" emosi guru dan menjadikan mereka stress serta mengganggu komitmen mereka untuk sesi pengajaran dan pembelajaran. Abdul Ghani, Mohamad dan Abu Bakar (2013) menyatakan bahawa guru-guru ini memikul pelbagai tugas dalam suatu jangka masa tertentu. Mereka bukan sahaja terlibat secara tetap untuk mengajar, malah dilambakkan lagi dengan tugas luaran. Hal ini sekaligus menunjukkan perlunya wujud satu keperluan untuk memahami dengan lebih mendalam tentang komitmen yang dihadapi oleh guru [7].

Seterusnya, isu Bahan Bantu Mengajar (BBM) merupakan komponen penting dalam proses PdPc. Banyak kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa penggunaan BBM memberi kesan positif sekaligus berupaya mengoptimumkan pencapaian murid. Ja'apar, F. (2017), mendapati dengan penggunaan BBM ini, pelajar dapat meningkatkan fokus dan perhatian semasa PdPc dijalankan. Masalah kekurangan BBM dan tiadanya modul khusus yang boleh digunapakai oleh guru Pendidikan Islam menjadi cabaran bagi guru untuk mengajar subjek Pendidikan Seni Visual. Guru-guru Pendidikan Seni Visual haruslah mencari pelbagai inisiatif dan pendekatan seterusnya bijak dan kreatif mencipta bahan bantu mengajar (BBM) bagi mengatasi cabaran kekurangan BBM dalam subjek Pendidikan Islam. Strategi, kaedah, dan teknik pengajaran tenaga pengajar perlu mengikut keadaan semasa yang berlangsung di dalam sesebuah kelas. Inisiatif guru dengan mengunapakai sumber yang ada dan dijadikan sebagai BBM bagi mencapai objektif pengajaran sangat digalakkan sekaligus membantu mencapai objektif PdPc.

3. Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengukur tahap amalan kreativiti dan komitmen guru Pendidikan Seni Visual di samping menguji hubungan yang wujud antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut. Kajian ini dilaksanakan bagi memenuhi tiga objektif yang diketengahkan seperti berikut:

- i. Menyelidik tahap amalan kreativiti dan komitmen guru Pendidikan Seni Visual.
- ii. Mengkaji tahap perbezaan skor min amalan kreativiti dan komitmen guru Pendidikan Seni Visual berdasarkan jantina.
- iii. Meneliti perkaitan yang signifikan amalan kreativiti dengan komitmen guru Pendidikan Seni Visual.

4. Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, berikut adalah beberapa persoalan kajian :

- i. Apakah tahap amalan kreativiti dan komitmen guru Pendidikan Seni Visual?
- ii. Apakah tahap perbezaan skor min amalan kreativiti dan komitmen guru Pendidikan Seni Visual berdasarkan jantina?
- iii. Adakah terdapat perkaitan yang signifikan antara amalan kreativiti dengan komitmen guru Pendidikan Seni Visual?

5. Hipotesis Kajian

Berdasarkan persoalan kajian maka hipotesis nul untuk dibina :

Ho1 : Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara amalan kreativiti dengan komitmen guru Pendidikan Seni Visual.

6. Sorotan Literatur

6.1 Amalan Kreativiti

Terdapat pelbagai definisi kreativiti yang telah dinyatakan oleh pengkaji yang telah mencipta definisi kreativiti. Torrance (1988) berpendapat bahawa konsep kreativiti adalah susah untuk diuraikan dengan kata-kata, dan ia melibatkan keseluruhan diri yang terdapat pada manusia. Selain itu, beliau menganggap kreativiti sebagai suatu proses penyelesaian masalah terhadap sesuatu yang tidak pasti melalui penguraian, penyuntingan dan analisis. Gardner (1993) pula berpendapat bahawa kreativiti membawa dua maksud iaitu C-big dan C-small masing-masing bermaksud idea baharu yang dihasilkan oleh masyarakat dan yang dihasilkan oleh individu. Liane Gabore (2013) berpendapat kreativiti adalah kualiti unik yang ada dalam diri manusia.

Selain itu, kreativiti itu juga boleh dibezakan dengan dua reka cipta merangkumi penemuan sesuatu yang baru dan menarik yang belum ditemui sebelum dan penemuan sesuatu yang sudah wujud. Clarkson (2005) berpendapat bahawa kreativiti ialah sejenis tindakan personaliti yang merangkumi pemikiran, mengambil risiko, dan menyesuaikan tindakan. Kreativiti boleh dilihat sebagai keupayaan untuk menghasilkan idea atau produk baharu. Ia merupakan bahagian penting dalam proses kreatif, dan boleh menjadi sumber kebanggaan bagi sesetengah individu. Namun begitu, menurut Goh (1997), kreativiti adalah konsep penting untuk difahami, kerana ia boleh memberi manfaat kepada guru semasa mereka bentuk dan melaksanakan program untuk meningkatkan kreativiti dalam bilik darjah mereka.

Kreativiti terdiri daripada tiga elemen utama: keaslian, keberkesanan dan etika. Pakar dalam bidang ini percaya bahawa ketiga-tiganya diperlukan untuk kreativiti berkembang. Menurut Sternberg, dalam dunia pendidikan, kreativiti dapat akan melahirkan pelajar yang mampu membuat keputusan dengan berkesan. Amabile (1983) pula mendefinisikan kreativiti sebagai suatu proses penghasilan idea atau penyelesaian kepada masalah yang belum diselesaikan. Proses kreativiti melibatkan perubahan dan penyusunan semula pengalaman seseorang. Guru dapat menilai tahap kemahiran kreativiti pelajar dengan melihat hasil kerja mereka. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2011), Kreativiti ialah kebolehan berfikir secara kreatif dan menjana sesuatu yang baharu dan tidak berdasarkan penilaian semata-mata dalam sesuatu tindakan.

Mengikuti cadangan Cropley (1997), Soh (2015) mendapati bahawa guru harus menggalakkan kreativiti dengan bertindak balas pada masa yang sesuai. Ini membolehkan pelajar bekerja dengan lebih bebas dan semula jadi pada masa hadapan. Guru yang secara rutin memupuk kreativiti dalam bilik darjah adalah guru yang dianggap paling berjaya melakukannya. Soh (2015) juga melaporkan aspek amalan kreativiti guru seperti kebebasan, integrasi, motivasi, pertimbangan, fleksibiliti, penilaian, penyediaan, peluang dan kekecewaan boleh membantu dalam menyokong kreativiti guru. Menurut Soh (2015), adalah menjadi tugas guru untuk menggalakkan pelajar mereka mempelajari sesuatu secara berdikari, tanpa bergantung kepada orang lain.

Aspek pengintegrasian pengajaran dan pembelajaran melibatkan usaha guru untuk menggalakkan kerjasama dalam kalangan pelajar. Ini boleh dilakukan melalui pelbagai kaedah, seperti mewujudkan persekitaran kerjasama, memberikan sokongan dan galakan, dan melibatkan diri dalam aktiviti kolaboratif. Aspek motivasi pengajaran guru melibatkan menggalakkan pelajar mereka untuk membangunkan pemahaman yang kukuh tentang fakta supaya mereka boleh lebih bersedia untuk menghadapi pelbagai jenis tahap peringkat pemikiran. Aspek pertimbangan merujuk kepada penangguhan penilaian guru terhadap idea yang pelajar cadangkan supaya mereka mempunyai masa untuk meneroka semua maklumat yang ada. Ini membolehkan keputusan yang lebih bernas dan komprehensif. Aspek fleksibiliti yang ditekankan oleh guru ialah amalan

menggalakkan pemikiran pelajar supaya lebih terbuka dan fleksibel semasa pembelajaran. Ini membolehkan pendekatan pembelajaran yang lebih kreatif dan inovatif, yang boleh memberi manfaat dalam jangka pendek dan panjang. Kajian ini akan mengkaji hubungan antara amalan kreativiti dalam pengajaran dan pembelajaran dengan komitmen guru. Berdasarkan pelbagai definisi, pengkaji percaya bahawa kreativiti ialah kebolehan menjalankan amalan-amalan kreatif bagi mencipta idea yang boleh digunakan dalam pendidikan. Kajian ini akan menentukan bagaimana komitmen guru mempengaruhi amalan kreativiti dalam pengajaran dan pembelajaran.

7. Komitmen Guru

Menurut Mowday, Steer dan Porter (1979) komitmen ialah kesediaan seseorang individu untuk mengenyahkan kepentingan mereka sendiri dan bekerja keras untuk menyokong nilai dan matlamat organisasi. Ia juga dicirikan oleh semangat kesukarelawanan dan keinginan untuk kekal bersama organisasi. Menurut Mowing, Porter, dan Steers (1982), organisasi yang menunjukkan tahap komitmen organisasi yang tinggi kepada pekerja mereka cenderung dilihat sebagai tempat yang lebih positif untuk bekerja. Pekerja yang komited tinggi berasa selamat dalam peranan mereka, berasa berhubung dengan organisasi mereka, dan secara amnya berpuas hati dengan pekerjaan mereka dan prospek masa depan organisasi. Guru yang sangat komited terhadap kerja mereka secara amnya akan lebih berprestasi daripada mereka yang kurang komited. Kajian ini melihat bagaimana komitmen guru mempengaruhi amalan kreativiti di sekolah-sekolah di daerah Bintulu di Sarawak dan impak terhadap tahap kreativiti pelajar.

8. Pendidikan Seni Visual

Pendidikan seni visual dalam sistem pendidikan merujuk kepada pendekatan pendidikan yang sistematik dan terancang yang mengambil kira keperluan pelajar itu sendiri. Ini termasuk penggunaan melukis, mengukir dan kemahiran tangan lain yang berdasarkan pengalaman dan apa yang mereka telah pelajari. Feldman (1996) berpendapat bahawa pendidikan seni ialah satu usaha untuk membuat dan memahami seni agar dapat memahami tentang dunia dan diri kita. Seni yang disebutkan di sini termasuk seni bentuk visual, seni tradisional dan bentuk seni yang bersifat moden. Pendidikan seni merangkumi kaedah dan teknik yang digunakan dalam penghasilan produk seni, sejarah dan antropologi seni dan nilai produk seni. Oleh itu, pendidikan seni menekankan kreativiti, tindakan dan penilaian, memberikan peluang kepada individu untuk mengembangkan idea seni semula jadi mereka dengan kerap.

9. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen dan menggunakan kaedah kuantitatif. Instrumen soal selidik digunakan untuk mengenal pasti tahap dan hubungan antara amalan kreativiti dengan komitmen guru. Keseluruhan instrumen telah disemak oleh pakar bidang pengurusan pendidikan bagi tujuan memastikan kesahan kandungan. Nilai kesahan dan kebolehpercayaan instrumen adalah 0.93. Kajian ini tertumpu kepada bahagian "A" (profil responden), bahagian "B" (amalan kreativiti), dan bahagian "C" (komitmen guru Pendidikan Seni Visual). Seramai 190 responden dipilih sebagai persampelan rawak mudah, berstrata dan bersistematik daripada 25 buah sekolah kebangsaan yang mengajar subjek Pendidikan Seni Visual. Sejumlah 183 daripada 190 borang selidik (95.3%) dapat dikumpulkan untuk menganalisis sebanyak 72 item, dengan diberikan 5 mata skala Likert. Data-data dianalisis dengan menggunakan ujian diskriptif dan inferensi. Analisis kekerapan, dan peratusan digunakan untuk menganalisis data profil responden sepertimana terdapat dalam Jadual 5. Seterusnya analisis deskriptif dibuat bagi mengukur dan menggunakan interpretasi skor min yang dirumuskan oleh Izani & Yahya (2014) bagi menentukan tahap kepuasan kerja guru dan komitmen guru sepertimana yang terdapat dalam Jadual 3. Manakala, analisis korelasi Pearson digunakan untuk mengukur hubungan antara kepuasan kerja guru dengan komitmen guru, dan menggunakan interpretasi korelasi yang dirumuskan oleh Pallant (2001) sepertimana terdapat dalam Jadual 4 berikut ini.

Jadual 3 Interpretasi Skor Min Tahap

Julat Skor Min	Interpretasi
1.00 - 1.89	Sangat Rendah
1.90 - 2.69	Rendah
2.70 - 3.49	Sederhana
3.50 - 4.29	Tinggi
4.30 - 5.00	Sangat Tinggi

Jadual 4: Interpretasi Nilai r

Nilai r	Interpretasi
.70 - 1.00	Sangat kuat
.50 - .69	Kuat
.30 - .49	Sederhana
.10 - .29	Lemah
.01 - .09	Tiada Korelasi

10. Dapatan Kajian

Kajian ini menunjukkan tumpuan demografi sampel kajian yang telah digunakan dalam menjayakan kajian ini. Seramai 190 orang telah terlibat di dalam kajian ini. Dalam bahagian ini, demografi responden terbahagi kepada dua, iaitu latar belakang responden dan latar belakang Guru Pendidikan Seni Visual. Bagi memerihalkan taburan demografi dengan lebih jelas, analisis deskriptif dibentangkan dalam bentuk jadual berdasarkan bilangan dan peratusan responden. Daripada keseluruhan 190 responden yang terlibat dalam kajian ini, seramai 73 orang atau 38.4 peratus adalah terdiri daripada guru lelaki, manakala seramai 117 orang atau 61.6 peratus lagi adalah terdiri daripada guru perempuan. Taburan latar belakang responden dipaparkan dalam Jadual 4.1.

Jadual 4.1 Latar Belakang Responden

	Bilangan	Peratus
Jantina		
Lelaki	73	38.4
Perempuan	117	61.6
Umur		
21 - 25 tahun	5	2.6
26 - 30 tahun	24	12.6
31 - 35 tahun	30	15.8
36 - 40 tahun	36	18.9
41 - 45 tahun	29	15.3
46 - 50 tahun	34	17.9
51 - 55 tahun	25	13.2
55 - 60 tahun	7	3.7
Tempoh berkhidmat		
1 - 5 tahun	29	15.3
6 - 10 tahun	35	18.4
11 - 15 tahun	37	19.5
16 - 20 tahun	41	21.6
21 tahun ke atas	48	25.3
Kelayakan akademik tertinggi		
Kedoktoran (PhD, EdD, dll)	2	1.1
Sarjana (Master)	21	11.1
Sarjana Muda	150	78.9
Diploma	13	6.8

Lain-lain	4	2.1
Mata pelajaran di ajar		
Pendidikan Seni Visual sahaja	11	5.8
Pendidikan Seni Visual dan mata pelajaran lain	179	94.2
Status perkahwinan		
Bujang	39	20.5
Berkahwin	142	74.7
Duda / Janda	9	4.7

10.1 Tahap Amalan Kreativiti

Dalam kajian ini, tahap amalan kreativiti diukur oleh 4 dimensi iaitu dari aspek persediaan, imaginasi, perkembangan dan tindakan. Hasil kajian seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.2 menunjukkan bahawa keempat-empat skor dimensi amalan kreativiti iaitu persediaan (min = 3.98, SP = 0.539), imaginasi (min = 3.93, SP = 0.535), perkembangan (min = 3.91, SP = 0.537) dan tindakan (min = 3.86, SP = 0.551) adalah berada pada tahap yang tinggi. Secara keseluruhannya menunjukkan skor tahap amalan kreativiti (min = 3.92, SP = 0.509) dalam kalangan guru Sekolah Kebangsaan di daerah Bintulu, Sarawak adalah berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 4.2 Nilai Min dan Sisihan Piawai Tahap Amalan Kreativiti

Amalan kreativiti	Min	SP	Tahap
Persediaan	3.98	.539	Tinggi
Imaginasi	3.93	.535	Tinggi
Perkembangan	3.91	.537	Tinggi
Tindakan	3.86	.551	Tinggi
Keseluruhan amalan kreativiti	3.92	.509	Tinggi

(Tahap: Sangat rendah = 1.00 – 1.89, Rendah = 1.90 – 2.69, Sederhana = 2.70 – 3.49, Tinggi = 3.50 – 4.29, Sangat tinggi = 4.30 - 5.00)

10.2 Tahap Komitmen Guru

Dalam kajian ini, tahap komitmen guru diukur oleh 3 dimensi iaitu dari aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Hasil kajian seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.3 menunjukkan bahawa ketiga-tiga skor dimensi komitmen guru iaitu pengetahuan (min = 3.63, SP = 0.798), kemahiran (min = 3.62, SP = 0.706), dan nilai (min = 4.16, SP = 0.576) adalah berada pada tahap yang tinggi. Secara keseluruhannya menunjukkan skor tahap komitmen guru (min = 3.80, SP = 0.606) dalam kalangan guru Sekolah Kebangsaan di daerah Bintulu, Sarawak adalah berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 4.3 Nilai Min dan Sisihan Piawai Tahap Komitmen Guru

Komitmen guru	Min	SP	Tahap
Pengetahuan	3.63	.798	Tinggi
Kemahiran	3.62	.706	Tinggi
Nilai	4.16	.576	Tinggi
Keseluruhan komitmen guru	3.80	.606	Tinggi


(Tahap: Sangat rendah = 1.00 – 1.89, Rendah = 1.90 – 2.69, Sederhana = 2.70 – 3.49, Tinggi = 3.50 – 4.29, Sangat tinggi = 4.30 - 5.00)

10.3 Hubungan Antara Amalan Kreativiti Dengan Komitmen Guru Pendidikan Seni Visual

Keputusan kajian ini adalah untuk menjawab objektif dan persoalan kajian ketiga iaitu meneliti perkaitan yang signifikan amalan kreativiti dengan komitmen guru Pendidikan Seni Visual. Ia menilai hipotesis seperti berikut:

Ho1 Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara amalan kreativiti dengan komitmen guru Pendidikan Seni Visual.

Rajah 4.3 menunjukkan graf taburan (*scatterplot*) bagi pemboleh-pemboleh ubah yang dikaji. Berdasarkan kepada pola taburan rajah tersebut, terdapat perkaitan yang positif di antara pemboleh ubah yang dikaji.



Rajah 4.3 Taburan Hubungan Antara Amalan Kreativiti Dengan Komitmen Guru Pendidikan Seni Visual

Hasil analisis korelasi dipaparkan dalam Jadual 4.4.

Jadual 4.16 Hubungan Antara Amalan Kreativiti Dengan Komitmen Guru Pendidikan Seni Visual

	Amalan kreativiti	
	r	Sig. P
Komitmen guru Pendidikan Seni Visual	0.695**	.000

** p < 0.01

Dalam Jadual 4.4 di atas menunjukkan keputusan pengujian hipotesis menghasilkan satu dapatan penting, iaitu amalan kreativiti ($r = 0.695$, $p < 0.01$) mempunyai hubungan yang signifikan dengan komitmen guru Pendidikan Seni Visual. Dengan itu, H_0 adalah ditolak.

11. Perbincangan

Kajian yang dijalankan memberikan gambaran yang terperinci berkaitan dengan amalan kreativiti dan tahap komitmen guru Pendidikan Seni Visual. Bagi mengukuhkan perbincangan dapatan kajian, ianya disokong oleh sorotan literatur bagi pengkaji terdahulu.

11.1 Tahap Amalan Kreativiti

Bagi membincangkan amalan kreativiti dalam kalangan guru, ianya dinilai berdasarkan aspek persediaan, aspek imaginasi, aspek perkembangan dan aspek tindakan. Untuk setiap aspek dalam amalan kreativiti, nilai min yang direkodkan berada pada tahap yang tinggi. Pertamanya, amalan kreativiti dari aspek persediaan difokuskan. Seperti mana yang dinyatakan, responden memberikan maklum balas yang memuaskan dengan nilai min yang tertinggi iaitu 4.25 di mana guru sentiasa menggalakkan murid menggunakan alatan, bahan dan media dengan sesuai. Bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Yusoff (2022) di mana persediaan yang lengkap dapat menggalakkan kreativiti murid menerusi tindakan guru yang menyediakan alatan, bahan dan media yang sesuai. Secara tidak langsung, ianya dapat meningkatkan kemahiran dan penguasaan asas seni visual dalam kalangan murid.

Selain itu, responden menyatakan bahawa mereka sebagai guru sentiasa menggalakkan murid mengendalikan alatan, bahan dan media dengan betul. Bukan itu sahaja, kreativiti yang ditunjukkan oleh guru turut dilihat menerusi tindakannya dengan menggalakkan murid menggunakan pelbagai kaedah atau teknik yang sesuai. Akan tetapi, amalan kreativiti dalam kalangan guru berhadapan dengan isu apabila mata pelajaran ini diajar oleh guru bukan opsyen Pendidikan Seni Visual. Oleh itu, adalah penting untuk mencari inisiatif yang berkesan dalam menangani situasi ini. Ianya turut disokong oleh Jenal & Ramli (2020) di mana adalah dicadangkan untuk membina modul pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Seni Visual bagi membolehkan guru memupuk dan menjana kreativiti dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran.

Manakala, bagi aspek imaginasi, ianya merupakan elemen yang penting dalam memastikan kreativiti yang ditonjolkan adalah praktikal bagi mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Seperti mana yang dilaporkan, nilai min yang tertinggi bagi aspek imaginasi adalah guru sentiasa menggalakkan murid menghasilkan idea secara berterusan. Ianya merupakan tindakan yang efektif dalam menggalakkan daya imaginasi dalam kalangan murid. Pendekatan ini turut diaplikasikan oleh Halim (2022) dapat menggalakkan murid menghasilkan karya seni menerusi penjana idea yang berterusan. Ianya dilihat bersesuaian bagi murid di peringkat sekolah rendah di mana sel-sel otak mereka sedang berhubung dengan pantas.

Justeru, terdapat pelbagai idea dapat dihasilkan. Selain itu, dalam menggalakkan imaginasi dalam kalangan murid, guru bertindak dengan menggalakkan murid menghasilkan idea-idea yang berkaitan dengan sesuatu perkara dan menghasilkan idea yang bermakna. Situasi ini dapat mendorong murid untuk berfikir di luar bagi menghasilkan idea yang berguna dan dapat dipraktikkan dalam mata pelajaran tersebut. Ianya turut disokong oleh Mazan & Ladin (2021) di mana galakan untuk meningkatkan imaginasi dalam kalangan murid dapat dilakukan dengan menggunakan display light board. Ianya boleh dipraktikkan dalam menggalakkan imaginasi dalam kalangan murid.

Amalan kreativiti juga dapat dijana menerusi aspek perkembangan. Seperti mana yang dilaporkan, nilai min yang tertinggi direkodkan adalah dengan cara menggalakkan murid mengubahsuai idea. Ianya merupakan cara yang diaplikasikan oleh guru untuk memupuk kreativiti dalam kalangan murid menerusi aspek perkembangan. Seperti mana yang dilaporkan oleh Nor et al., (2020), pendekatan yang diambil bagi meningkatkan kreativiti murid menerusi aspek perkembangan adalah meneroka kaedah pengajaran guru. Kelebihan yang ditunjukkan oleh guru dapat menjana idea yang menarik dalam kalangan murid. Guru hendaklah menyokong dan memotivasikan murid untuk menggalakkan kreativiti dalam kalangan murid. Bukan itu sahaja, responden menyatakan, mereka sebagai guru sentiasa menggalakkan murid menokok tambah idea. Dengan itu, murid dapat mengembangkan pengetahuan sedia ada. Tambahan pula, untuk menggalakkan kreativiti dalam kalangan murid menerusi aspek perkembangan, responden menggalakkan murid membuat pertimbangan tentang sesuatu perkara. Dengan melaksanakan tindakan tersebut, ianya membolehkan guru meningkatkan kreativiti dalam kalangan murid menerusi aspek perkembangan.

Aspek tindakan turut bertindak sebagai salah satu cara untuk meningkatkan kreativiti dalam kalangan murid. Berdasarkan dapatan kajian yang dilaporkan, nilai min yang tertinggi direkodkan adalah responden yang berperanan sebagai guru sentiasa menggalakkan murid peka kepada perkara di sekeliling. Selain itu, antara tindakan yang boleh dilakukan untuk menjana kreativiti adalah menggalakkan murid membuat pemerhatian untuk mengenalpasti masalah, kesilapan dan kelemahan. Sebagai contoh, pendekatan pembelajaran yang dilaksanakan adalah tradisional, justeru, pendekatan pembelajaran yang konvensional dicadangkan dengan menggunakan perisian aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi. Ianya disokong oleh Husain (2021) di mana penggunaan perisian aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi dilihat bertepatan dengan arus kemajuan teknologi di mana ianya boleh digunapakai dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam masa yang sama, responden turut menggalakkan murid untuk peka kepada perkara di sekeliling dan menjana idea untuk berkreatif. Bagi mata pelajaran Pendidikan Seni Visual, adalah penting kreativiti bagi membolehkan mereka menghasilkan karya seni yang berkualiti. Justeru, tindakan-tindakan yang sewajarnya seharusnya diambil bagi menggalakkan amalan kreativiti dalam kalangan murid.

11.2 Tahap Komitmen Guru

Bagi mengukur tahap komitmen guru, terdapat tiga dimensi utama yang dinilai iaitu aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Setiap aspek tersebut dibincangkan dengan terperinci. Bagi aspek pengetahuan, dapatan kajian menunjukkan nilai min yang tertinggi direkodkan adalah pengetahuan yang penting di mana ianya perlu ditekankan adalah berkaitan dengan pedagogi. Dapatan yang sama turut dilaporkan oleh Nor et al., (2019) di mana pengetahuan pedagogi penting bagi mendorong komitmen kerja yang tinggi dalam kalangan guru. Dengan menguasai kemahiran untuk mengajar, ianya dapat menyumbang kepada komitmen kerja yang optimum. Selain itu, pengetahuan yang berkaitan dengan latar belakang dan aras pelajar untuk merangka objektif turut dilihat penting di mana ianya menyumbang kepada komitmen guru. Bukan itu sahaja, pengetahuan yang dapat menggalakkan komitmen guru yang tinggi adalah berkaitan dengan pengetahuan tentang bidang membuat corak dan rekaan. Ianya dilihat sangat sinonim dengan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.

Pengetahuan berkaitan dengan bidang membentuk dan membuat binaan turut dilihat penting. Justeru, adalah penting untuk mempunyai pengetahuan tersebut bagi membolehkan guru menyampaikan pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan. Seperti mana yang dinyatakan oleh Yeh (2021), dalam usaha untuk meningkatkan pengetahuan guru, ianya turut menjadi cabaran untuk menangani guru-guru yang dilihat tidak bersedia untuk mengalami perubahan. Sebagai contoh, pengajaran pada masa kini adalah menerapkan unsur teknologi. Akan tetapi, terdapat guru yang tidak dapat menerima perubahan tersebut. Secara tidak langsung, keadaan tersebut memberi pengaruh terhadap komitmen kerja guru.

Aspek komitmen guru yang seterusnya adalah aspek kemahiran. Seperti mana yang dilaporkan, nilai min yang tertinggi direkodkan adalah guru perlu mempunyai kemahiran dalam merancang aktiviti pembelajaran yang berpandukan standard kandungan dan standard pembelajaran. Dapatan yang sama turut dilaporkan oleh Lee et al., (2022) di mana kemahiran yang ditunjukkan untuk merancang aktiviti pembelajaran bertindak sebagai langkah untuk meningkatkan komitmen kerja guru. Bukan itu sahaja, kemahiran untuk menyediakan aktiviti secara berfasa iaitu persediaan, imaginasi, perkembangan dan tindakan merupakan kemahiran lain yang perlu dikuasai bagi membolehkan guru menunjukkan komitmen mereka dalam mengajar. Selain itu, kemahiran yang dilihat penting adalah membuat demonstrasi bagi setiap bidang kegiatan seni visual.

Seterusnya, komitmen guru turut dilihat menerusi aspek nilai. Berdasarkan dapatan kajian yang dilaporkan, nilai min yang tertinggi yang direkodkan adalah guru sentiasa menerapkan amalan nilai-nilai murni dalam aktiviti pembelajaran dan pengajaran bagi memupuk nilai-nilai yang positif. Selain itu, nilai dapat diterapkan dengan menunjukkan kewibawaan dan kepatuhan terhadap kepatuhan profesion perguruan. Dalam masa yang sama, menunjukkan nilai sebagai seorang guru yang penyayang dan berpekerti mulia dapat memupuk nilai positif dan secara tidak langsung membentuk komitmen yang tinggi dalam kalangan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

11.3 Perbezaan Amalan Kreativiti Dan Komitmen Guru Pendidikan Seni Visual Berdasarkan Jantina

Bagi melihat pengaruh jantina terhadap amalan kreativiti guru, analisis T digunakan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa jantina tidak memberikan perbezaan yang signifikan terhadap amalan kreativiti dalam kalangan guru Pendidikan Seni Visual. Berdasarkan dapatan ini, ianya menjelaskan bahawa kreativiti yang ditunjukkan oleh guru tidak hanya terbatas kepada satu-satu jantina sahaja. Sama ada guru lelaki mahupun guru perempuan, mereka mempunyai amalan kreativiti mereka yang tersendiri dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran. Seperti mana dapatan kajian yang dilaporkan oleh Mei & Mydin (2022), jantina dilihat tidak memberi pengaruh terhadap kreativiti guru. Hal ini kerana jantina adalah aspek subjektif di mana ianya tidak berkait dengan aspek kreativiti.

Pengaruh jantina terhadap komitmen guru turut dinilai. Ianya dianalisis dengan menggunakan Ujian T. Seperti mana yang dilaporkan, jantina tidak memainkan peranan yang signifikan terhadap tahap komitmen guru. Ianya turut disokong oleh Chuah & Al Amin (2022) di mana komitmen guru tidak terjejas berikutan oleh pengaruh jantina. Dapatan ini menjelaskan bahawa guru lelaki mahupun guru Wanita dapat menonjolkan komitmen kerja yang tinggi. Ianya tidak hanya tertakhluk kepada guru lelaki sahaja mahupun guru perempuan sahaja. Adalah menjadi tanggungjawab guru untuk menunjukkan komitmen kerja yang tinggi terhadap profesion mereka.

11.4 Hubungan Antara Amalan Kreativiti Dengan Komitmen Guru Pendidikan Seni Visual

Dalam mengenalpasti hubungan antara amalan kreativiti dengan komitmen kerja guru Pendidikan Seni Visual, analisis Korelasi Pearson dijalankan. Dapatan kajian menunjukkan amalan kreativiti dilihat mempunyai hubungan yang signifikan dengan komitmen guru Pendidikan Seni Visual. Dapatan ini menjelaskan bahawa amalan kreativiti yang ditonjolkan oleh guru menyumbang kepada komitmen kerja dalam kalangan guru. Sebagai contoh, amalan kreativiti yang ditonjolkan menerusi aspek tindakan dilihat mendorong kepada komitmen kerja yang tinggi. Ianya turut disokong oleh Kasim et al., (2022) di mana kreativiti yang ditunjukkan oleh guru dapat menggalakkan komitmen kerja yang tinggi.

12. Implikasi

12.1 Guru Pendidikan Seni Visual

Menurut kajian yang dijalankan, amalan kreativiti dalam kalangan guru dilihat menerusi aspek persediaan, imaginasi, perkembangan dan tindakan. Dengan memfokuskan kepada aspek tersebut, ianya dapat menjana dan memupuk kreativiti dalam kalangan guru dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Dari segi persediaan, guru hendaklah menyediakan alatan, bahan dan media yang bersesuaian dengan kandungan pengajaran dan pembelajaran. Justeru, dengan adanya kajian yang dijalankan, ianya membolehkan guru Pendidikan Seni Visual membuat persediaan yang terperinci untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran.

Manakala, bagi aspek imaginasi, ianya membolehkan guru mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menggalakkan murid menghasilkan idea secara berkesan.

Dengan itu, kreativiti dalam kalangan guru dapat dijana dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran. Bagi aspek perkembangan, dengan adanya kajian yang dijalankan, ianya membolehkan idea dapat diubahsuai dengan baik. Tindakan juga memberikan implikasi yang positif terhadap kreativiti guru menerusi tindakan yang berkesan dalam menggalakkan murid menumpukan perhatian dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Tambahan pula, kajian yang dijalankan turut menyumbang kepada komitmen kerja yang tinggi dalam kalangan guru menerusi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Ketiga-tiganya perlu diberi perhatian bagi memastikan komitmen kerja yang menyeluruh diberikan oleh guru untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Justeru, dengan adanya input yang diperolehi daripada kajian yang dijalankan, ianya membolehkan kreativiti yang menarik dan komitmen kerja yang tinggi dalam kalangan guru Pendidikan Seni Visual untuk menyampaikan pengajaran dan pembelajaran.

12.2 Kementerian Pendidikan Malaysia

Bagi meningkatkan amalan kreativiti guru dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual, terdapat empat aspek yang perlu ditekankan iaitu persediaan, imaginasi, perkembangan dan tindakan. Oleh itu, sebagai organisasi yang bertanggungjawab iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia, adalah penting untuk meneliti aspek tersebut bagi membolehkan pelaksanaan pengajaran yang berkesan bagi mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Keadaan ini membolehkan murid yang kreatif dan inovatif dilahirkan. Dalam memastikan kewibawaan dan kredibiliti guru, adalah penting untuk meneliti komitmen kerja guru. Ianya penting bagi menghasilkan murid yang berkualiti menerusi komitmen kerja yang cemerlang. Untuk tujuan tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia perlu membangunkan komitmen kerja guru dengan meningkatkan motivasi mereka seperti memberikan insentif yang menarik kepada guru-guru. Justeru, berdasarkan kajian yang dijalankan, ianya memberikan informasi yang jelas tentang aspek kreativiti dan komitmen guru bagi mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. KPM perlu merangsang kreativiti guru-guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan. Oleh itu, berdasarkan dapatan kajian ini, ianya dapat menggalakkan pihak KPM dalam merangka pelan strategik untuk meningkatkan amalan kreativiti dan komitmen kerja guru.

13. Limitasi Kajian

Berdasarkan kajian yang dijalankan, pengkaji berhadapan dengan beberapa limitasi kajian di mana ianya perlu diatasi bagi memastikan kelancaran kajian yang dijalankan. Antaranya kekangan masa yang diperuntukkan untuk mengumpulkan dapatan kajian. Berikutan oleh kekangan masa, bilangan responden terhad kepada 190 orang Guru Pendidikan Seni Visual. Disebabkan masa yang terbatas, pengkaji hanya dapat berkongsi borang soal selidik kepada 190 orang Guru Pendidikan Seni Visual sahaja. Dalam masa yang sama, setiap sekolah tidak mempunyai ramai Guru Pendidikan Seni Visual. Keadaan ini membataskan pengkaji untuk mendapatkan banyak maklum balas daripada Guru Pendidikan Seni Visual. Selain itu, Batasan kajian yang dapat dikenalpasti dalam kajian ini adalah aspek dalam amalan kreativiti di mana ianya hanya tertumpu kepada persediaan, imaginasi, perkembangan dan tindakan. Ianya hanya tertakhluk kepada empat aspek ini sahaja. Manakala, bagi tahap komitmen guru, penelitian hanya dibuat terhadap aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Walhal, komitmen kerja guru turut dapat dinilai berdasarkan aspek-aspek lain. Tambahan pula, Batasan lain dapat dilihat menerusi kaedah pengumpulan data yang digunakan di mana ianya hanya memfokuskan kepada penggunaan borang soal selidik di mana hanya memfokuskan kepada kajian berbentuk kuantitatif. Keadaan ini menyebabkan responden terbatas dalam memberikan maklum balas berkaitan amalan kreativiti dan komitmen guru. Dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen untuk mendapatkan respon daripada responden, keadaan ini menyebabkan responden cenderung untuk memberikan respon yang neutral di mana ianya mempengaruhi dapatan kajian yang diperolehi kerana pengkaji tidak dapat melihat kecenderungan yang ditunjukkan oleh responden sama ada bersetuju atau tidak bersetuju.

14. Cadangan Penambahbaikan Untuk Kajian Akan Datang

Berdasarkan batasan kajian, perbincangan dan dapatan kajian, beberapa cadangan dicadangkan di mana ianya boleh diaplikasikan dalam kajian akan datang. Cadangannya adalah seperti berikut:

- i. Kajian ini merupakan satu kajian kuantitatif yang berbentuk kajian tinjauan dan memilih responden yang terdiri daripada guru-guru Pendidikan Seni Visual. Bagi meningkatkan kualiti kajian yang dijalankan, adalah dicadangkan kepada pengkaji untuk menggabungkan kajian kuantitatif dan kualitatif di mana

- responden dapat memberikan pandangan secara terbuka di mana mereka tidak terikat kepada pernyataan yang dinyatakan dalam borang soal selidik menerusi kaedah temubual.
- ii. Kajian yang dijalankan memfokuskan tentang amalan kreativiti dan komitmen guru. Justeru, bagi melihat keberkesanan amalan kreativiti dan komitmen guru, adalah dicadangkan untuk meneliti pencapaian murid berdasarkan kreativiti dan komitmen guru dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran.
 - iii. Kajian ini hanya melibatkan pengenalpastian tentang amalan kreativiti dan komitmen guru, justeru, bagi kajian lanjutan, adalah dicadangkan untuk meneliti aspek lain yang boleh diterapkan bersama dalam kajian yang dijalankan sebagai moderator kepada pembolehubah bersandar.
 - iv. Dalam masa yang sama, adalah dicadangkan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam meneliti keperluan guru-guru Pendidikan Seni Visual agar mereka dapat menyampaikan pengajaran dengan berkesan. Secara tidak langsung, ianya dapat menggalakkan kreativiti dan komitmen kerja yang tinggi dalam kalangan guru.

15. Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kajian yang dijalankan memberikan gambaran yang jelas tentang amalan kreativiti dan komitmen kerja guru. Kedua-dua pembolehubah tersebut mempunyai hubungan di mana kreativiti yang ditonjolkan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran menyumbang kepada komitmen kerja dalam kalangan guru. Seperti mana yang diketengahkan dalam kajian ini, amalan kreativiti dalam kalangan guru dilihat menerusi aspek persediaan, imaginasi, perkembangan dan tindakan. Bagi aspek persediaan, ianya dilihat memberangsangkan di mana tindakan guru dengan menggalakkan murid menggunakan alatan, bahan dan media dengan sesuai. Item tersebut merekodkan nilai min yang tertinggi bagi amalan kreativiti menerusi aspek persediaan. Tindakan yang dilakukan dapat memupuk kreativiti murid bagi subjek Pendidikan Seni Visual. Bagi aspek imaginasi, guru sentiasa menggalakkan murid untuk menghasilkan idea yang berterusan. Dalam konteks ini, kreativiti yang ada pada individu boleh dipupuk menerusi penajanaan idea yang berterusan. Berdasarkan situasi ini, kreativiti yang ditonjolkan oleh individu, ianya boleh dipupuk di mana bakat tersebut bukan hanya bergantung kepada keadaan yang semulajadi. Justeru, prestasi yang cemerlang dalam subjek Pendidikan Seni Visual bukan hanya bergantung kepada bakat di mana ianya turut didorong oleh usaha. Amalan kreativiti turut boleh dipupuk menerusi aspek perkembangan. Seperti mana yang dilaporkan, guru sentiasa menggalakkan murid untuk mengubah suai idea di mana ianya dapat memastikan pemikiran dan kreativiti murid sentiasa berkembang. Bukan itu sahaja, aspek Tindakan turut mendorong kreativiti yang cemerlang dalam kalangan murid. Guru bertindak dengan menggalakkan murid peka terhadap perkara di sekeliling. Berdasarkan peranan yang dimainkan oleh guru, keadaan tersebut membolehkan kreativiti yang memberangsangkan ditonjolkan oleh murid.

Manakala, komitmen kerja dilihat menerusi pengetahuan, kemahiran dan nilai. Aspek pengetahuan dilihat penting di mana guru perlu mempunyai pengetahuan iaitu pengetahuan pedagogi di mana ianya merujuk kepada kemahiran menyampaikan pengajaran dan pembelajaran. Bagi aspek kemahiran, sebagai guru, mereka berkemahiran dalam merancang aktiviti pembelajaran berpandukan standard kandungan dan standard pembelajaran. Ianya penting bagi memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran dapat dicapai. Seterusnya, dari aspek nilai, komitmen guru dilihat menerusi Tindakannya menerapkan amalan nilai-nilai murni dalam aktiviti pembelajaran dan pengajaran. Ianya penting bagi membolehkan murid-murid mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian.

Perbezaan antara aspek kreativiti dan komitmen kerja turut dilihat menerusi jantina. Dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan bagi aspek kreativiti dan komitmen kerja dari segi jantina. Situasi ini menggambarkan bahawa lelaki mahupun perempuan dapat menonjolkan kreativiti dan komitmen kerja yang bagus. Dengan adanya kajian yang dijalankan, input dapat digunapakai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dapat membangunkan pelan strategik untuk meningkatkan kreativiti dan komitmen kerja guru terutamanya dalam kalangan guru Pendidikan Seni Visual. Kajian ini mengetengahkan guru Pendidikan Seni Visual kerana mereka seringkali dipinggirkan di mana kebanyakan individu beranggapan mata pelajaran tersebut tidak penting. Harapan pengkaji agar kajian ini dapat membuka mata pelbagai pihak khususnya pihak atasan dalam merangka inisiatif untuk meningkatkan kreativiti dan komitmen kerja guru Pendidikan Seni Visual dalam melahirkan murid yang kreatif dan inovatif. Dengan dapatan kajian ini, ianya boleh dijadikan panduan bagi Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memartabatkan komitmen dan amalan kreativiti guru di mana ianya boleh diaplikasikan dalam memartabatkan institusi pendidikan dalam melahirkan murid yang seimbang jasmani, emosi, rohani dan intelek

Penghargaan

Penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) atas sokongan sehingga penulisan ini dapat diterbitkan.

Rujukan

- [1] <https://www.moe.gov.my/muat-turun/penerbitan-dan-jurnal/pppm-2013-2025-pendidikan-prasekolah-hingga-lepas-menengah/laporan-tahunan-2018>.
- [2] Choe, D., Lee, S., & Kim, S. (2016). A study on the effects of teacher creativity and teaching expertise on creative teaching behaviors. *Advanced Science and Technology Letters*, 127, 59-64.
- [3] Lee, I. R., & Kemple, K. (2014). Preservice teachers' personality traits and engagement in creative activities as predictors of their support for children's creativity. *Creativity Research Journal*, 26(1), 82-94.
- [4] Sawyer, R. K. (2012). *Explaining Creativity: The Science of Human Innovation*. Oxford University Press, Inc.
- [5] Erin Justyna, M. (2016). *Creativity in Higher Education Curriculum: A Qualitative Case Study Of Pedagogical Processes And Practices*. Doctoral thesis. Texas, USA: Texas Tech University.
- [6] Soh, K. c. (2015). Creativity fostering teacher behaviour around the world: Annotations of studies using the CFTIndex. *Cogent Education*, 2(1), 1-18.
- [7] Mohamad, J., & Yaacob, N. (2013). Kajian tentang kepuasan bekerja dalam kalangan guru-guru pendidikan khas. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 28, 103-115.
- [8] Abang Tar, D., & Mahmud, M. (2021). Minat, tingkah laku disruptif dan gaya pembelajaran murid bermasalah pembelajaran di sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(4), 49-64.
- [9] Ahmad, N. L., Looi, S., Wahid, H., & Yusof, R. (2019). Kepentingan amalan pengajaran dan pembelajaran abad 21 terhadap pembangunan pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(28), 28-51.
- [10] Ahmad, R. K. (2012). Integrasi teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Universiti Sultan Idris Shah (UPSI), 1-15.
- [11] AlMarshedi, A., Wanick, V., Wills, G. B., & Ranchhod, A. (2017). Chapter 2: Gamification and behaviour. gamification: more than just games! using game elements in serious contexts. Springer.
- [12] Amabile, T. M. (1983). The social psychology of creativity: A componential conceptualization. *Journal of Personality and Social Psychology*, 45(2), 357-376.
- [13] Apak, J., & Taat, M. (2018). Hubungan tingkah laku pemupukan kreativiti guru dengan pengurusan bilik darjah abad ke-21. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 3(3), 64 - 79.
- [14] Arbaa, R., Jamil, H., & Ahmad, M. (2017). Model bersepadu penerapan kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(1), 1-11.
- [15] Azahari, N. S., & Rahimi, N. (2022). Amalan pembelajaran teradun sebagai satu pendekatan pembelajaran norma baharu. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 186-196.
- [16] Azmi, A., Adnan, A., Lokman, H., Saaban, S., & Yusoff, S. (2022). Attitude of institute of teacher education malaysia lecturers towards digital innovation. *Journal of Positive School Psychology*, 6(2), 4925-4928.
- [17] Benade, L. (2015). Teachers' critical reflective practice in the context of twenty-first century learning. *Open Review of Educational Research*, 2(1), 42-54.
- [18] Benckenstein, C. C. (2016). Creativity through the eyes of social studies teachers in urban settings. Doctoral Dissertation. <https://oaktrust.library.tamu.edu/handle/1969.1/156959>
- [19] Bernama. (2022). Covid-19: KPM beri pilihan sekolah rendah, menengah jalankan PdPR. *Berita Harian*.
- [20] <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/02/926037/covid-19-kpm-beri-pilihan-sekolah-rendah-menengah-jalankan-pdpr>
- [21] Buntat, Y., & Ahamad, L. (2012). Inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru-guru teknikal di sekolah menengah teknik dari perspektif guru. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, 6, 44-58.
- [22] Davis, G. A. (1999). Barriers to creativity and creative attitudes. *Encyclopedia of Creativity*, 115-121.
- [23] Fink, A. (2019). *Conducting research literature reviews - From the internet to paper*. SAGE Publications, Inc.
- [24] Gandi. (2021). Pendekatan penyelidikan reka bentuk dan pembangunan (DDR) Dalam pembangunan model pemikiran inventif pelajar mata pelajaran reka cipta. *Journal of Educational Research & Indigenous Studies*, 3(1), 143-155.
- [25] Ghani, N. A., Mohamad, Z., & Bakar, C. (2013). Teachers' challenges in educating special children in special classes of three selected primary schools, Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia. *Advances in Natural and Applied Sciences*, 7(3), 284-291.
- [26] Haerani, R., Masunah, J., Narawati, T., Roxyadi, E., & Mujiarto. (2020). Models of arts teacher's professional development. *International Journal of Higher Education*, 9(6), 77-86.

- [27] Halim, H. (2022). Pergerakan proses lukisan kanak-kanak dalam lakaran kasar seni visual: the movement of the child drawing process in visual art rough sketches. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 11(1), 24-39.
- [28] Hambali, K. B., & Lubis, M. (2022). Kepentingan gamifikasi dalam pengajaran dan pemudahcaraan (pdpc) pendidikan islam. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* , 5(1), 58-64.
- [29] Hambali, K. B., & Lubis, M. (2022). Kepentingan gamifikasi dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PDPC) Pendidikan Islam. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 5(1), 58-64.
- [30] Hanapi, M. H., Zakaria, N., & Shaffeei, K. (2020). Cabaran pendidikan abad ke-21 sekolah rendah. *International Journal of Modern Education (IJMOE)*, 2(5), 01-08.
- [31] Henry, J. D., & Mahamod, Z. (2021). Penerapan amalan kreativiti, pemikiran kritis, kolaborasi dan komunikasi (4C) pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan guru Bahasa Melayu. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 239-248.
- [32] Husain, H. (2021). Penggunaan perisian aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi meningkatkan integrasi domain pembelajaran dalam karya murid belajar gaya visual. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 18(1), 140-160.
- [33] Iberahim, A. R., Mahamod, Z., & Mohammad, W. (2017). Pembelajaran abad ke-21 dan pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian Bahasa Melayu pelajar sekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu - JPBM (Malay Language Education Journal - MyLEJ)*, 7(2), 77-88.
- [34] Ilias, M. F., Madzalan, J., Pisol, M., Jamar, A., & Abdullah, M. (2022). Analisa faktor halangan guru pendidikan islam sekolah bestari dalam penggunaan bahan bantu mengajar. *Sains Humanika*, 14(2), 51-57.
- [35] Ismail, A., Ismail, F., Sulaiman, A., Nizah, M., Latiff, L., Sulaiman, M., . . . Kandil, H. (2020). Pembentukan Pemikiran Kreatif dan Kritis: Hubungannya Dalam Menyelesaikan Masalah. *Sains Insani*, 5(1), 43-47.
- [36] Ismail, R. A., & Ismail, D. (2018). Aplikasi 'konsep 4c' pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan guru pelatih pengajian agama institut pendidikan guru kampus Dato' Razali Ismail. *Asian People Journal (APJ)*, 1(1), 45-65.
- [37] Jaabi, S. B., & Nor, M. (2022). Pelaksanaan pentaksiran bilik darjah (pbd) bahasa inggeris dan hubungannya dengan komitmen guru Bahasa Inggeris di daerah semporna era norma baharu. *International Conference on Global Education IX "Technological and Educational Empowerment Post COVID-19"*, 102-110.
- [38] Jenal, D., & Ramli, H. (2020). Developing an art language teaching module to increase mastery of non-art teachers option in form one: membina modul pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa seni visual bagi meningkatkan penguasaan guru-guru bukan opsyen pendidikan seni di tingkatan satu. *Kupas Seni*, 8(2), 44-51.
- [39] Jenal, D., & Ramli, H. (2020). Membina Modul Pembelajaran dan Pemudah caraan Bahasa Seni Visual bagi meningkatkan penguasaan Guru-guru bukan Opsyen Pendidikan Seni di Tingkatan Satu. *KUPAS SENI Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 8(2), 44-51.
- [40] Jumanie, S., & Salam, S. (2021). Pengaruh Sikap, Pengetahuan dan Kemahiran Terhadap Pencapaian Kendiri Guru di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(10), 268 - 274.
- [41] Kasim, T. S., Noor, N., & Yusoff, Y. (2022). Komitmen Guru dalam Pelaksanaan E-Pembelajaran Pendidikan Islam. *Jurnal Pengajian Islam*, 195-208.
- [42] Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Seni Visual Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 6, Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- [43] Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023). Laporan Tahunan 2018 Dokumen. MOE.
- [44] <https://www.moe.gov.my/menumedia/media-cetak/penerbitan/pppm-2013-2025-pendidikan-prasekolah-hingga-lepas-menengah/laporan-tahunan-2018/3283-laporan-tahunan-bm/file>
- [45] Kipli, S., & Mahmud, M. (2022). Faktor mempengaruhi kekerapan perpindahan murid SJKC Ke SK semasa pandemik covid-19 di daerah Sibu, Sarawak. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 33-55.
- [46] Lai, C. L., & Hamdan, A. (2013). Faktor di luar kawalan guru sekolah menengah dalam pengajaran efektif. *2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013)*, 64-68.
- [47] Lee, H., Nor, N., & Wong, Y. (2022). Analisis Keperluan Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Seni Visual Berasaskan Kolaboratif-Konstruktivis di Sekolah Rendah. *KUPAS SENI*, 10, 90-103.
- [48] Libau, C., & Ting, Y. (2020). Peranan bahan bantu mengajar dan persekitaran maklum balas dalam meningkatkan kualiti pembelajaran pelajar. *Conference: National Research Innovation Conference (NRICon 2020)*, 1-8.
- [49] Mahsan, I. P., Mokhtar, E. S., & Mat Alim, M. (2022). Isu pelaksanaan dan inovasi e-pembelajaran pendidikan seni visual sekolah luar bandar di fasa pandemik covid 19. *Journal of Engineering, Technology & Applied Science*, 4(3), 131-139.
- [50] Malik, M. (2019). Guru Perlu Bersedia Tempuh Cabaran Revolusi Industri. *Berita Harian*.

- [51] <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2019/05/563340/guru-perlu-bersedia-tempuh-cabaran-revolusi-industri>
- [52] Mariani, A., & Ismail, Z. (2013). Pengaruh kompetensi guru matematik ke atas amalan pengajaran kreatif. 2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013), 181-187.
- [53] Mariappan, P., Khairani, M., & Chanthiran, M. (2022). Pendekatan Pembelajaran Koperatif Pendidikan Seni Visual Dalam Kalangan Murid Program Pendidikan Inklusif. KUPAS SENI, 10, 66-77.
- [54] Mazan, S. M., & Ladin, C. (2021). Penggunaan display light board (DLB) dalam meningkatkan kemahiran teknik melukis bentuk geometri secara 'still life'. Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam Malaysia (MEDC 2020), 399-411.
- [55] Md Noor, N., Husain, A. H., & Mohd Yusoff, S. H. (2020). Ekspresi karya seni visual murid-murid di sekolah bimbingan jalinan kasih, Kuala Lumpur. JURNAL IPDA, 26(1), 78-91.
- [56] Md Yusoff, H., Hamzah, M. I., & Surat, S. (2019). Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kraf kerja. Jurnal Pendidikan Malaysia, 44(2), 61-71.
- [57] Mei, C. S., & Mydin, A. (2022). Pengaruh amalan penyeliaan terhadap pengajaran kreatif guru. Jurnal Kepimpinan Pendidikan, 9(2), 30-40.
- [58] Mohamad Said, M. M., & Yunos, N. (2006). Hubungan kreativiti dan ilmu pengetahuan. MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara, 7, 41-52.
- [59] Mohd Noh, M. A., Ilias, M. F., & Husain, K. (2016). Inisiatif dan usaha guru dalam meningkatkan pengetahuan semasa penggunaan bahan bantu mengajar. Journal of Social Science and Humanities, 134-144.
- [60] Mohd Nor, R., Nik Yusoff, N. M., & Haron, H. (2019). Pengetahuan pedagogi ilmu kandungan dalam kalangan guru seni visual sekolah menengah di Hulu Langat. Jurnal Pendidikan Malaysia, 44(1), 137-150.
- [61] Mohd Yusoff, S. H., & Husain, A. H. (2019). Teknologi maklumat dan komunikasi dalam pendidikan seni visual ke arah pembelajaran bermakna. Jurnal IPDA, 26(1), 92-103.
- [62] Mottan, K. (2019). Impact of kineasthetic gamification on disruptive behaviour among children with attention deficit disorder/attention deficit hyperactive disorder (ADD/ADHD) in primary school learning disabilities programme. Muallim Journal of Social Sciences and Humanities, 3(4), 398-405.
- [63] Musta' amal, A. H., Rosmin, N., Mohd Amin, N., & Buntat, Y. (2013). Rekacipta: ke arah pemupukan budaya kreatif dan inovatif. 2nd International Seminar on Quality and Affordable Education.
- [64] Nor, R., Yusoff, N., & Haron, H. (2020). Meneroka kaedah pengajaran guru cemerlang pendidikan seni visual Selangor (GCPSV): Satu Kajian Kes. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 5(5), 125-140.
- [65] Nor, R. M., Yusoff, N., & Haron, H. (2019). Pengetahuan pedagogi ilmu kandungan dalam kalangan guru seni visual sekolah menengah di Hulu Langat. Jurnal Pendidikan Malaysia, 44(1), 137-150.
- [66] Nor, R. M., Yusoff, N., & Haron, H. (2020). Meneroka kaedah pengajaran guru cemerlang pendidikan seni visual Selangor (GCPSV): Satu kajian kes. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 5(5), 125-140.
- [67] Prasetyaning, M., & Ahadyenes, R. (2016). Definisi istilah. Prezi. https://prezi.com/_jkmxcwzbhel/definisi-istilah/
- [68] Puteh, S. N., & Salam, K. (2011). Tahap kesediaan penggunaan ICT dalam pengajaran dan kesannya terhadap hasil kerja dan tingkah laku murid prasekolah. Jurnal Pendidikan Malaysia, 36(1), 25-34.
- [69] Rafi, N. b., & Halim, H. (2022). Pergerakan proses lukisan kanak-kanak dalam lakaran kasar seni visual. Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan, 11(1), 24-39.
- [70] Rahman, A. A., Shamsuddin, S., Nozlan, N., Shakor, M., & Sukari, A. (2021). Pandemik covid-19: cabaran pengajaran dan pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam dalam pendidikan khas bagi Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) masalah pembelajaran di Malaysia. Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs - JQSS, 5, 127-138.
- [71] Ramli, N. N., & Nor, M. (2017). Pembelajaran abad ke-21. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1-7. <https://drive.google.com/file/d/1DupjY0Dh9DTCOY5EP8LnRConak2i2Mf9/view>
- [72] Ramli, N. N., & Nor, M. Y. (2018). Pembelajaran abad ke-21. National e-Learning Conference 2018 - NeLCon2018, 1-7.
- [73] Rashid, S. M. (2017). Kemahiran asas serta kaedah pengajaran dan pembelajaran al-quran kepada golongan istimewa. JJ-QSS - urnal of Quran Sunnah Education and Special Needs, 1(1), 1-12.
- [74] Rozi, N. E., & Halim, L. (2018). Sorotan literatur: Instrumen pengukuran kreativiti saintifik dalam sains. In I. C. VI. Faculty of Education Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [75] Rushdi, N. (2020). Kreativiti dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020).
- [76] Sahrir, M., Osman, N., & Muhammad, I. (2020). Aplikasi 'Konsep 4C' pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan guru pelajar sarjana mod pengajian pendidikan bahasa arab cuti sekolah UIAM. e-Jurnal Bahasa dan Linguistik, 2(1), 12-22. <https://doi.org/10.53840/ejbl.v2i1.33>
- [77] Saleh, D. R. (2018). Panduan Penulisan Proposal Thesis. Academia. <https://www.academia.edu/3415586>

- [78] Samad, N. A., Ahmad, W. M., Harun, H., Amiruddin, M. H., Hashim, S., & Ja'apar, F. (2018). Bahan bantu mengajar (bbm) dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Daerah Pontian. *Online Journal for TVET Practitioners*, 1-8.
- [79] Simon Fraser University. (2018). *Academic Writing: What is a Literature Review?* Lib.sfu.ca.
- [80] <https://www.lib.sfu.ca/about/branches-depts/slc/writing/assignments/lit-review>
- [81] Som, H. M., & Ali, S. (2011). Komitmen guru dalam pelaksanaan kurikulum dan inovasi berkesan. *Masalah Pendidikan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)*, 34, 99-119.
- [82] Sternberg, R. J. (2003). *Wisdom, intelligence, and creativity synthesized*. Cambridge University Press.
- [83] Tamaki, G. (2015). Kreativiti dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan seni visual di Sekolah Menengah daerah Kudat, Sabah. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaysia Sabah (UMS).
- [84] TANG, N. A., & HAMZAH, M. (2022). Pelaksanaan pengajaran guru pendidikan islam terhadap kaedah sokratik di sekolah menengah daerah negeri Johor. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 2(1), 73-81.
- [85] Torrance, P. E. (1961). *Guiding Creative Talent*. Englewood Cliffs, N.J., Prentice-Hall.
- [86] Torrance, P. E. (1965). Scientific views of creativity and factors affecting its Growth. *Creativity and Learning*, 94(3), 663-681.
- [87] Wahab, A., & Saud, M. (2021). Pembangunan instrumen karakter kreatif pelajar pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET). *ANP Journal of Social Science and Humanities*, 2(2), 112-122.
- [88] Wazir, A. (2016). Pengetahuan pedagogi isi kandungan guru bahasa Arab sekolah rendah. *Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*.
- [89] Wazir, A. (2016). Pengetahuan pedagogi isi kandungan guru Bahasa Arab sekolah rendah. *Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*.
- [90] Xiang, H. J., & Iksan, Z. (2019). Kefahaman guru sekolah rendah daerah pekan terhadap pembelajaran abad ke-21 (PAK21). *International Journal of Modern Education*, 1(2), 01-12.
- [91] Yeh, L. H. (2021). Cabaran yang dihadapi pendidikan seni visual dengan pentaksiran bilik darjah di sekolah rendah daerah Hilir Perak. *KUPAS SENI*, 9(1), 46-57.
- [92] Yin, C. H., & Halim, L. (2022). Integrasi Aplikasi Phet Dalam Pembelajaran Berasaskan Masalah Bagi Meningkatkan Kreativiti Saintifik Murid Sekolah Rendah. *Prosiding E-Kolokium Pendidikan Sains*.
- [93] Yusoff, N. (2022). Improving drawing skills among year 6 SK Sri Layang visual arts students by using led trace method: Meningkatkan kemahiran melukis dalam kalangan murid seni visual tahun 6 Sk Sri Layang menggunakan kaedah surih led. *KUPAS SENI*, 10, 23-29.
- [94] Yusoff, N. A. (2022). Meningkatkan kemahiran melukis dalam kalangan murid seni visual tahun 6 Sk Sri Layang menggunakan kaedah surih led. *KUPAS SENI*, 10, 23-29.
- [95] Yusoff, S. H., & Husain, H. (2021). Penggunaan Perisian Aplikasi Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Meningkatkan Integrasi Domain Pembelajaran Dalam Karya Murid Belajar Gaya Visual. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 18(1), 140-160.
- [96] Zakaria, Z. M. (2017). Pengetahuan pedagogikal isi kandungan guru bahasa Arab dalam pengajaran konsonan Arab. *Universiti Pendidikan Sultan Idris*.
- [97] Zulkifli, N., Hamzah, M., & Abdul Razak, K. (2020). Faktor pendorong kreativiti dalam kalangan pelajar politeknik. *ASIAN PEOPLE JOURNAL*, 3(2), 77-85.